



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: www.akademiarbaru.com/arsbs.html

ISSN: 2462-1951



Kepentingan Prinsip *Siyadat Al-shari'ah* (Kedaulatan Islam) di dalam *Siyasah Syar'iyyah* (Politik Islam)

The Importance of Syaradat Al-shari'ah (Islamic Sovereignty) in Siyasah Syar'iyyah (Islamic Politics)

Open Access

Muhammad Firdaus Zalani^{1,*}, Anwar Fakhri Omar¹

¹ Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ARTICLE INFO

ABSTRACT

Article history:

Received 24 January 2019

Received in revised form 24 February 2019

Accepted 9 May 2019

Available online 19 May 2019

Siyasah shar'iyyah (Politik Islam) adalah antara topik yang banyak dibahaskan dikalangan ulama Islam hari ini. Antara punca ianya banyak dibahaskan ialah kerana perkembangan zaman, suasana serta situasi umat Islam hari ini khususnya pasca kejatuhan sistem khalifah Islam. Namun, banyak perbahasan politik Islam ini sering digambarkan sekadar berbicara tentang konsep pentadbiran iaitu *al-shura* atau nilai yang menjadi tunjang iaitu *al-'adalah* atau *al-maslahah*. Tanpa menafikan pentingnya perbahasan kedua perkara ini, di sana terdapat juga prinsip asas lain yang menjadi teras di dalam politik Islam iaitu *siyadat al-shari'ah*. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengkaji prinsip *siyadat al-shari'ah*, lalu merumuskan hubungan antara politik Islam dengan prinsip ini serta bagaimana ianya dapat diaplikasikan dalam sesebuah negara. Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk kajian literatur dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati bahawa *siyadat al-shari'ah* adalah perkara asas di dalam konsep politik Islam itu sendiri, ianya menjadi titik perbezaan utama konsep politik Islam dengan konsep-konsep politik yang lain. Kajian juga mendapati bahawa mengaplikasikan prinsip ini adalah dengan melihat tiga unsur di dalam sesebuah negara iaitu berdasarkan sumber perundangan tertinggi, kayu ukur pemerintah dalam membuat polisi serta perngiktirafan rakyat terhadap kedaulatan Islam itu sendiri.

Siyasah shar'iyyah (Islamic Politics) is among the topics that are widely debated among Islamic scholars today. Among the causes that are widely debated is the development of the times, the mood and the situation of Muslims today, especially after the collapse of the Islamic caliphate system. However, many of these Islamic political debates are often described simply as talking about the concept of administration ie al-shura or the value of the spinal al-'adalah or al-maslahah. Without denying the importance of these two debates, there are also other basic principles that are core in Islamic politics namely siyad al-shari'ah. Therefore, this study aims to study the principle of siyadat al-shari'ah, then formulate the relationship between Islamic politics with this principle and how it can be applied in a country. This study is a qualitative study in the form of a literature review using a content analysis approach. The findings show that siyadat al-shari'ah is a fundamental element in the concept of Islamic politics itself, it is the main point of difference of the concept of Islamic politics with other political concepts. The study also found that applying this principle is to look at three elements in a country based on the

* Corresponding author.

E-mail address: daus89@gmail.com (Muhammad Firdaus Zalani)

highest legislative resources, the government's measuring stick in policy making and people's recognition of the sovereignty of Islam itself.

Kata Kunci:

Politik Islam, kedaulatan Islam, prinsip, aplikasi

Keywords:

Islamic politics, Islamic sovereignty, principles, applications

Copyright © 2019 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pendahuluan

Menurut al-Nasir [13] *siyāsah shar'iyyah* ialah suatu disiplin ilmu berkaitan tindakan pemimpin mengurus sebuah negara berasaskan syariat Islam sama ada dalam urusan yang mempunyai dalil-dalil *khusus* atau yang tidak ada dalil *khusus* adalah dengan berpandukan kepada maslahat serta kaedah-kaedah umum syariah dan maqasidnya. Oleh itu ia boleh ditakrifkan sebagai suatu ilmu berkaitan politik atau pemerintahan sesebuah negara yang disandarkan kepada syarak. Berdasarkan takrifan tersebut juga, al-Qardawi [14] menyebut bahawa bukanlah semua ruang di dalam *siyāsah* itu bebas kepada ijтиhad atau pandangan tetapi terdapat beberapa asas yang tidak akan berubah walaupun berubahnya masa, tempat atau manusia iaitulah yang disebut sebagai *thawabit* (kekal). Ulama' telah menggariskan bahawa *siyadat al-shari'ah* adalah antara perkara yang *thawabit* di dalam politik Islam. Oleh itu, amat penting kita memahami *siyadat al-shari'ah* bagi mendapatkan gambaran menyeluruh terhadap *siyāsah shar'iyyah* itu sendiri. (Muhamat Kawangit [31])

2. Metodologi

Method pengumpulan data untuk kajian literatur ini adalah dalam bentuk kajian perpustakaan. Jadi dalam kajian ini, pengkaji akan mengumpulkan pandangan ulama' silam serta kontemporari dan kajian ilmiah yang berkait dengan kefahaman konsep politik Islam dan prinsip *siyadat al-shari'ah* serta hubungan yang ada antara kedua perkara tersebut. Method untuk analisis pandangan tersebut akan menggunakan method deduktif dan komparatif.

Method deduktif dengan pengkaji berbicara soal politik Islam secara umum sebelum berbincang berkenaan salah satu prinsip di dalamnya iaitulah *siyadat al-shari'ah*. Dengan memahami gambaran politik Islam dengan betul maka maksud prinsip *siyadat al-shari'ah* dapat difahami dengan lebih tepat. Method komparatif ialah dengan pengkaji membuat kesimpulan setelah membuat perbandingan terhadap pandangan-pandangan sarjana dalam memahami maksud *siyadat al-shari'ah* serta hujah-hujah yang digunakan oleh setiap daripada mereka untuk mendapatkan hasil gambaran yang tepat terhadap maksud konsep *siyadat al-shari'ah*.

3. Hasil Kajian

3.1 Perkara Thawabit (kekal) Di Dalam Siyasah Shar'iyyah

Sebahagian ulama lain seperti al-Nasir [13] telah membahagikan *siyāsah shar'iyyah* kepada dua bahagian iaitu *siyāsah tanfidziyyah* dan *siyāsah tanzimiyyah*. Yang dimaksudkan dengan *siyāsah tanfidziyyah* ialah pemerintah itu bertanggungjawab melaksanakan segala nas syarak yang sudah jelas dan tiada *khilaf* dalam melaksanakannya. Adapun *siyāsah tanzimiyyah* ialah tindakan pemerintah pada perkara atau ruang yang tiada nas khusus menyebut perkara tersebut, jadi penilaian di sini adalah dengan melihat kepada pertimbangan maslahat, menolak kemudaratian serta

kaedah-kaedah umum di dalam Islam. Ada yang menamakannya sebagai *ijtihad maslahi* kerana pandangan atau polisi yang dibuat itu adalah berdasarkan kepentingan umum.

Kaedah-kaedah umum di dalam membuat *ijtihad maslahi* ini telah digariskan ulama bersandarkan kepada nas-nas yang jelas menyebut tentang perkara tersebut. Ini bermaksud ruang ijтиhad di dalam *siyāsah shar'iyyah* bukanlah bersifat *mutlak* (bebas) tanpa terikat dengan sebarang perkara. Abu Faris [3] setelah melihat perbahasan tentang asas-asas ini dalam kalangan fuqaha' terdahulu telah menggariskan terdapat tiga asas utama atau boleh disebut sebagai prinsip asas *siyāsah shar'iyyah* iaitu:

3.1.1 Kedaulatan Islam (*siyadat al-shari'ah*)

Prinsip ini akan dilihat secara mendalam di dalam bahagian yang seterusnya kerana inilah yang akan menjadi isi utama kepada artikel ini. Secara umumnya yang dimaksudkan dengan kedaulatan Islam disini ialah syariat Islam itu menjadi rujukan serta sandaran paling utama terhadap segala polisi atau tindakan yang ingin dibuat oleh pemerintah. Maka segala apa yang syariat perintah secara jelas hendaklah disempurnakan, apa yang syariat tegah hendaklah ditinggalkan dan apa yang syariat senyapkan hendaklah dinilai berdasarkan maslahat serta kaedah-kaedah umum *siyāsah shar'iyyah*.

3.1.2 Keadilan dan kesamarataan

Bertindak secara adil dalam pemerintahan bukanlah suatu perkara pilihan yang diberikan kepada pemerintah untuk melakukannya atau pun tidak. Tetapi disisi Islam ianya adalah satu kewajipan besar yang hendaklah disempurnakan oleh pemerintah. Bahkan al-Razi [16] menyebut kewajipan ini merupakan perkara yang disepakati (*ijma'*) oleh umat Islam tanpa perselisihan pandangan bahawa seorang pemerintah atau hakim hendaklah sentiasa bersikap adil dalam segala tindakannya. Kewajipan ini bersandarkan kepada nas al-Quran antaranya firman Allah SWT dalam Surat al-Nahl ayat 90 serta Surat al-Nisa' ayat 58 di mana Allah memberi arahan untuk pemerintah sentiasa bersikap adil. Rasulullah SAW juga banyak menyebutkan tentang tingginya nilai keadilan ini antaranya dalam satu hadis yang bermaksud:

Telah menceritakan kepada kami Fudhail dari 'Athiyyah dari Abu Sa'id ia berkata; Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya orang yang paling dicintai Allah 'azza wajalla pada hari kiamat dan paling dekat tempat duduknya dari-Nya adalah seorang pemimpin yang adil, sedangkan orang yang paling dibenci Allah pada hari kiamat dan paling keras siksaanya adalah seorang pemimpin yang zalim. (Riwayat Imam Tirmidzi, Jami' al-Tirmidzi, Kitab al-Ahkam, Bab Ma Jaa' fi al-Imam al-'Adil, No Hadis 1246)

Abu Faris [3] menggambarkan keadilan itu antaranya ialah bersifat adil antara kelompok yang bertelagah serta dihukum antara mereka dengan diberikan hak masing-masing sama ada pesalah atau orang yang dizalimi tanpa melihat bangsanya, agamanya, warna kulit, hartanya atau sama ada kawan atau lawan. Shalbi [36] menyatakan antara bukti fuqaha' sangat mengambil berat soal keadilan dalam pemerintahan ialah mereka meletakkan syarat seorang khalifah atau pemimpin yang ingin dilantik itu mestilah mempunyai sifat adil. Fuqaha' turut menyatakan bahawa apabila dalam situasi umat Islam tidak mempunyai pilihan, mereka boleh melantik pemimpin yang penakut atau tidak mempunyai kemampuan ijтиhad atau sebarang kelemahan lain namun terkecuali dalam hal soal keadilan. Melantik pemimpin yang bersifat adil adalah perkara tetap dan wajib ada serta tidak boleh ditolak ansur.

3.1.3 Pemerintahan berlandaskan *al-shura*

Abu Faris [3] mentakrifkan *al-shura* sebagai menghimpunkan pandangan pakar secara kolektif yang pelbagai terhadap sesuatu isu untuk mencapai suatu penyelesaian yang terbaik. Konsep *al-shura* mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam sistem pemerintahan Islam, bahkan Allah SWT sendiri meletakkan satu surah dengan istilah ini untuk menunjukkan betapa besarnya nilai konsep syura. Ianya menjadi landasan bagaimana sebuah negara itu ditadbir serta bagaimana sesuatu polisi negara dibuat. Pemimpin sesebuah negara Islam tidak boleh bertindak sesuka hati atau berdasarkan apa yang dia rasakan betul, akan tetapi dia wajib berbincang dengan penasihat, pakar atau pihak yang berkaitan disekelilingnya agar keputusan yang dibuat itu semakin hampir kepada maslahat dan jauh daripada mafsadah.

Al-Qurtubi [15] menyebut bahawa Ibn 'Atiyyah pernah menyatakan menjadi satu kewajipan yang disepakati (*ijma'*) untuk menjatuhkan pemerintah yang tidak melaksanakan *al-shura* bersama pakar atau ulama dalam pentadbirannya. Walaupun syarak menggariskan wajib melaksanakan konsep *al-shura* dalam pemerintahan namun bentuk pelaksanaannya tidak ditentukan secara rigid (Abu Faris [3]). Maka ianya terserah kepada kebijaksanaan pemerintah tersebut melihat kepada keperluan masa dan tempat. Juga perlu ditegaskan bukanlah semua perkara boleh disyurakan, antara perkara yang tidak boleh disyurakan ialah hal-hal yang telah jelas dalam syarak dengan nas-nas *sorih* atau yang ada disebutkan sebelum ini sebagai *siyāsah tanfiziyyah*.

Boleh disimpulkan, konsep *al-shura* ini memberikan gambaran bahawa sistem pemerintahan Islam bukanlah bersifat individu (diktator), tetapi ianya adalah satu bentuk pemerintahan yang kolektif melibatkan semua pihak sama ada ketua dan menteri di sekelilingnya, juga pemimpin dan rakyat yang dipimpin. Jika diteliti juga, boleh dikatakan bahawa berasaskan prinsip *al-shura* ini, ia membawa lahirnya idea asas kekuasaan rakyat iaitu rakyat mempunyai suara serta ruang dalam pemerintahan.

3.2 Prinsip *siyādat al-shari'ah*

Di antara ketiga-tiga prinsip asas *siyāsah shar'iyyah* yang dinyatakan diatas, prinsip yang paling utama adalah *siyādat al-shari'ah*. Kerana secara kasarnya, prinsip ini menjadi titik perbezaan utama antara konsep politik Islam dengan idea-idea politik yang lainnya (Nurdin [32]). Boleh dikatakan kalau tidak semua pun, kebanyakkan falsafah politik itu secara dasarnya akan menyatakan keadilan serta pemerintahan berbentuk kolektif (kecuali diktator) sebagai asas dalam konsep politik mereka, tetapi tidak mungkin mereka akan menyatakan *siyādat al-shari'ah* itu antara asas mereka melainkan apa yang mereka perjuangkan itu ialah politik Islam. Qutub [34] menyebutkan bahawa di dalam sistem pemerintahan sesebuah negara, ia hanyalah antara dua sifat iaitu sama ada mengambil syariat Islam atau hawa nafsu yang menjadi dasar pemerintahan bermakna *siyādat al-shari'ah* merupakan titik perbezaan yang utama. Oleh itu, sangat penting untuk memahami prinsip *siyādat al-shari'ah* ini dengan sebenar-benarnya supaya dengan itu kita dapat memahami *siyāsah shar'iyyah* itu secara menyeluruh dan tepat berdasarkan kehendak al-Quran dan Sunnah.

3.2.1 Pengertian

Perkataan *siyādat* adalah perkataan bahasa Arab yang menurut al-Manzur [8] ianya berasal daripada perkataan (ساد-يسود-سيادة) yang secara umum membawa maksud ketua (سيد). Dalam satu hadis Rasulullah SAW ada menyebut perkataan ini dengan maksud pemimpin:

Daripada Abdullah bin Buraidah, daripada ayahnya: Rasulullah SAW telah bersabda: Janganlah engkau berkata kepada munafik “wahai pemimpinku” kerana kalaularia dia menjadi pemimpin bagi engkau maka engkau telah membawa kepada kemurkaan Tuhan engkau. (Riwayat Abu Daud, Sunan Abi Daud, Kitab al-Adab, Bab Ia Yaqul al-Mulk Rabbi, No Hadis 4977)

Namun perkataan ini juga boleh membawa maksud kepimpinan yang paling tinggi dengan perspektif ketuhanan iaitulah milik Allah SWT, pemilik segala isi langit dan bumi. Rasulullah s.a.w bersabda:

Telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah s.a.w lalu berkata: Adakah engkau ketua kepada kaum Quraish? Lalu Baginda menjawab: Ketua (untuk kaum Quraish) adalah Allah SWT. (Riwayat Imam Ahmad, Sunan Imam Ahmad, No Hadis 15975)

Perkataan *siyadah* ini jika diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu membawa maksud kedaulatan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat [29] perkataan kedaulatan membawa maksud kekuasaan yang tertinggi bagi sesebuah negara. Apabila ianya disandarkan kepada undang-undang ianya bermaksud undang-undang tertinggi yang mesti dihormati dan dipatuhi oleh semua pihak dan lapisan masyarakat. Dalam bahasa Inggeris pula, perkataan *siyadah* disebut sebagai *sovereignty*, merujuk kepada Britannica [23] ianya berasal daripada perkataan latin iaitu *superanus* yang diertikan sebagai perkara yang paling berkuasa sama ada ianya berbentuk entiti, orang atau benda.

Ada pun dari segi istilah, menurut Al-'Utaibi [4], mafhum istilah *siyadah* pada perspektif negara ini boleh dilihat pada dua bentuk iaitu sama ada kedaulatan negara atau kedaulatan di dalam negara. Yang pertama iaitu kedaulatan negara bermaksud negara tersebut tidak terikat dengan mana-mana pihak untuk bertindak atau membuat sebarang polisi. Berdasarkan maksud tersebut negara berdaulat diertikan negara yang boleh membuat tindakan secara bebas dan negara yang tidak berdaulat pula sering diertikan sebuah negara yang tidak mempunyai hak membuat keputusan atau polisi serta terikat dengan pihak lain untuk membuat sebarang tindakan. Perspektif yang kedua disebut sebagai kedaulatan di dalam negara, ia bermaksud kuasa tertinggi yang menaungi sesebuah pemerintahan dalam negara melebihi undang-undang negara itu sendiri. Bentuk kuasa tersebut tidak tetap dan berbeza-beza melihat kepada keadaan negara, boleh jadi kuasa itu berbentuk entiti seperti raja atau pemimpin negara itu serta boleh jadi juga ianya dalam bentuk suatu unsur, falsafah yang menaungi negara tersebut. Bodin [21] iaitu seorang ahli falsafah Perancis kurun ke 16 yang terkenal serta dikenali sebagai pengasas kepada falsafah *sovereignty* menyebut dalam bukunya yang terkenal *Six Books of the Commonwealth* bahawa *sovereignty* itu adalah satu kuasa yang tertinggi dalam sebuah negara hingga menjangkau sistem perundangan yang sedia ada. Namun dalam tulisannya, dia menyandarkan kuasa tersebut kepada rakyat atau orang yang diperintah kerana zaman tersebut berlaku pertembungan yang dahsyat di Eropah antara rakyat dan gereja-gereja Kristian.

Berdasarkan maksud diatas, kajian ini lebih cenderung untuk melihat istilah *siyadah* dengan maksud kedua iaitu kedaulatan dalam negara yang bermaksud kuasa tertinggi dalam sesebuah pemerintahan sama ada berbentuk entiti atau unsur. Jadi apabila kita menyandarkan istilah *siyadah* dengan maksud ini kepada syarak ianya bermaksud Islam itu dijadikan sebagai kuasa tertinggi menjangkau undang-undang dan pemerintah yang sedia ada. Jadi Salah Sawi [35] menyimpulkan *siyadat al-shari'ah* bermaksud mengiktiraf syarak sebagai satu-satunya *al-hakim* (pemberi kata putus), sumber arahan atau larangan, sumber halal atau haram serta menerima apa sahaja yang disumberkan daripadanya terhadap segala tindakan serta polisi dalam pentadbiran negara. Al-'Utaibi

[3] menyimpulkan jika dilihat maksud *siyadat al-shari'ah* adalah kuasa yang tertinggi serta tidak ada yang setara atau lebih tinggi darinya maka bagi kita sebagai seorang muslim ciri tersebut secara pasti hanyalah ada pada Islam dan tidak ada pada unsur atau entiti lainnya.

3.2.2 *Siyādah menjadi asas perbezaan konsep politik antara Islam dan Barat*

Kefahaman terhadap konsep *siyādah* diantara sarjana Islam dan Barat mempunyai asas yang sama iaitu sebagai suatu kuasa tertinggi atau agung dalam sesebuah negara yang mempunyai implikasi kepada sistem politik, sistem perundangan serta keseluruhan polisi yang akan dibuat oleh pemerintah. Namun terdapat perbezaan ketara antara konsep *siyādah* pada sudut sumber kedaulatan. Pemikiran Barat meletakkan kedaulatan itu terhadap manusia atau entiti tertentu seperti parlimen dan mensyaratkan pemegang kedaulatan itu mestilah bersifat mutlak, bebas dan merdeka apabila membuat keputusan. Sebaliknya, pada sisi Islam, kedaulatan mutlak itu hanyalah milik Allah SWT, sementara pemerintah hanyalah berposisi sebagai pemegang amanah, jauh sekali bersifat mutlak. Bebas dan merdeka menurut kaca mata Islam adalah dalam ruang lingkup untuk melaksanakan perintah Allah SWT dan ajaran Nabi Muhammad SAW. (W. A. Fauzi, Anisah & Anwar [25]).

Nurdin [32] menyebutkan bahawa walaupun Barat mengistilahkan dengan istilah kedaulatan undang-undang, namun secara hakikatnya ia menyandarkan kepada manusia. Kerana undang-undang itu tidak mempunyai kehendak tersendiri tetapi manusia yang membentuk undang-undang tersebut. Oleh itu, apabila seseorang ingin berbicara soal politik Islam, dia tidak dapat lari daripada membahaskan prinsip *siyadat al-shari'ah* kerana asas iniah yang menjadi titik utama perbezaan antara politik sama ada yang bersumberkan hawa nafsu atau wahyu.

3.2.3 *Perselisihan terhadap istilah siyadat al-shari'ah dikalangan ulama*

Mufti [30] menyebutkan oleh kerana istilah *siyādah* ini masuk ke dalam perbincangan dunia Islam agak lewat iaitu pada awal kurun ke 19 maka ianya tidak pernah dibincangkan secara khusus oleh ulama terdahulu. Oleh sebab itu, telah berlaku perselisihan dikalangan ulama semasa hingga ke hari ini terhadap apakah *siyādah* bagi sebuah negara Islam atau berdasarkan perspektif politik Islam. Beliau menyimpulkan perbahasan ini kepada empat pandangan:

- a. Pandangan yang meletakkan konsep *siyādah* ini hanya disandarkan kepada syarak dan bukan perkara-perkara lain.
- b. Pandangan ini menyandarkan *siyādah* kepada *ummah* atau rakyat sesebuah negara. Mereka berhujah berdasarkan bagaimana dalam politik Islam, kehendak rakyat dalam sebuah negara mempunyai kedudukan yang isitimewa seperti hak dalam melantik pemerintah, melakukan *check and balance*, bahkan mempunyai hak untuk menjatuhkan pemimpin.
- c. Pandangan ini cuba melihat dari perspektif sama ada ianya isu berkaitan hal yang bersifat *dzanni* atau *qati'i*. Pada mereka jika ianya perkara *qati'i* iaitu yang telah ada nas jelas dalam perkara tersebut maka *siyādah* itu disandarkan kepada syarak, namun dalam hal yang ada nas tetapi tidak jelas (*dzanni*) atau tidak ada nas maka siyatdat itu akan disandarkan kepada rakyat.
- d. Pandangan yang menyandarkan *siyādah* itu kepada undang-undang bermaksud kedaulatan undang-undang.

Salah Sawi [35] menyebutkan antara punca utama kepada perselisihan ini ialah kerana perbahasan istilah *siyādah* ini datang daripada perbincangan dunia barat maka sebahagian ulama

tidak dapat memahami istilah ini dengan tepat atau mereka berbeza pandangan dalam melihat perspektif *siyādah* yang dimaksudkan. Contohnya dalam pandangan kedua yang menyatakan *siyādah* itu disandarkan kepada rakyat, memang benar Islam mengiktiraf kehendak rakyat dalam melantik atau memilih pemerintah mereka tetapi perkara ini disandarkan dalam isu kepimpinan (السلطة) atau pemerintahan (الحاكم) dan bukan isu kedaulatan (السيادة) atau kuasa tertinggi. Mereka telah terkeliru akan kedua istilah iaitu kepimpinan atau kedaulatan yang menyebabkan mereka menyandarkan ruang kehendak rakyat dalam hal kepimpinan adalah bermaksud *siyādah*.

Hakikatnya maksud *siyādah* itu sendiri ialah kuasa tertinggi yang tidak ada perkara lain setara atau yang lebih tinggi daripadanya, jika perkara ini difahami dengan kefahaman sebegini pasti syarak iaitu Allah SWT yang akan menjadi sandaran dalam *siyādah*. Bahkan menurut Mufti [30] konsep hak melantik atau memuhasabah pemerintah itu sendiri hakikatnya lahir daripada asas kefahaman syarak jadi sudah tentulah *siyādah* itu jika difahami dengan tepat akan disandarkan kepada syarak, bukan rakyat. Kehendak rakyat untuk melantik atau menurunkan pemerintah juga hendaklah berpandukan kepada asas dan syarat yang digariskan syarak dan bukan sesuka hati berdasarkan apa yang mereka suka. Atas perselisihan kefahaman ini, ulama telah menyimpulkan hubungan antara kedaulatan syarak dengan hak rakyat dalam satu kaedah iaitu:

السيادة للشرع ، والسلطان للأمة

Maksudnya: kedaulatan untuk syarak dan kekuasaan untuk rakyat

Pandangan ketiga yang menyebut bahawa *siyādah* itu dilihat secara berbeza iaitu sama ada terdapat nas yang jelas atau tidak juga adalah satu pandangan yang tidak tepat. Mufti [30] menyatakan ianya adalah satu pandangan berbahaya yang boleh membawa kepada menolak kesempurnaan Islam secara halus. Sepatutnya pemerintah sebuah negara Islam hendaklah sentiasa menjadikan syarak sebagai rujukan dalam semua perkara sama ada hal tersebut mempunyai dalil yang jelas atau pun tidak. Menurut al-Nādi [12] bahawa jika terdapat dalil syarak yang jelas, pemerintah perlu merujuk serta menuruti dalil tersebut dan dalam hal ada dalil tetapi tidak jelas atau tidak ada dalil, pemerintah hendaklah berijtihad dengan berlandaskan nas serta kaedah-kaedah umum syarak. Bahkan ijtihad yang dihasilkan itu pun tidak boleh bertentangan dengan syarak. Bermaksud dalam apa juar keadaan pun, hakikatnya pemerintah itu masih lagi terikat dengan syarak.

Pandangan keempat yang meletakkan *siyādah* berdasarkan undang-undang, al-Shawi [35] menyebut bahawa ulama yang meletakkan pandangan ini adalah berdasarkan apabila sesebuah negara itu sudah menjadikan syarak sebagai rujukan utama perundangan. Oleh itu, cukup dengan meletakkan kedaulatan undang-undang dalam negara tersebut kerana ianya secara tidak langsung menyandarkan kepada syarak itu sendiri. Oleh itu tidak berlaku pertembungan antara kedaulatan undang-undang dan *siyādat al-shari'ah*.

Melihat kepada perbezaan pandangan yang berlaku dikalangan ulama, dapat disimpulkan bahawa jika yang dimaksudkan *siyādah* seperti yang dinyatakan dalam perbahasan sebelum ini dengan erti sumber kuasa yang paling tinggi serta menjadi rujukan paling utama dalam sebuah negara sudah pasti mereka akan bersepakat bahawa *siyādah* akan disandarkan kepada syarak. Perbezaan yang berlaku hakikatnya hanyalah berpunca daripada berbeza dalam melihat perspektif serta meletakkan takrifan terhadap istilah *siyādah* itu secara tepat yang akhirnya membawa kepada perbezaan dalam menyandarkan konsep *siyādah*.

3.2.4 Hujah wajib menegakkan prinsip ini

Terdapat banyak hujah atau dalil yang mengambarkan bagaimana syariat Islam yang diwahyukan oleh Allah SWT mempunyai kedudukan sebagai rujukan yang paling tinggi dalam sebuah sistem kenegaraan serta menjadi kewajipan pemerintah serta rakyat yang diperintah menegakkan prinsip ini dalam negara yang mereka duduki. Antara hujah tersebut ialah:

a. Menifestasi daripada aqidah muslim

Kalimah tauhid (اللهم إله إله لا إله إلا أنت) adalah satu lafaz yang mempunyai makna yang besar. Ianya bukan sahaja menyantuh akan soal keimanan atau ketuhanan atau akhirat semata-mata, tetapi ianya satu lafaz yang melambangkan kiblat untuk segala urusan dunia sehingga dalam urusan kenegaraan. Abu Faris [3] menyebut lafaz ini mengambarkan semua urusan kehidupan seorang muslim itu akan berpandukan syariat, sama ada dalam bentuk hubungan dirinya dengan Allah SWT iaitu ibadah khusus solat, zakat, puasa dan lain-lain atau berbentuk hubungan dia sesama manusia lain berbentuk keluarga, masyarakat hingga negara, apa yang Allah halalkan tetaplah halal dan apa yang Allah haramkan tetap tidak dibenarkan pada setiap masa dan keadaan. Inilah hakikat Islam iaitu tunduk patuh (الخضوع والإستسلام) menyerahkan segala urusan kepadaNya. FirmanNya yang bermaksud:

Sebenarnya hukum (yang menentukan amal ibadat) hanyalah bagi Allah. Dia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia. Yang demikian itulah agama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. (Surah Yusuf ayat 40)

Hak untuk disembah milik Allah SWT yang disebut dalam ayat ini bukanlah bermaksud dalam ibadah khusus semata-mata, tetapi ianya mencakupi semua perkara termasuk dalam segala urusan duniawi. Salah Sawi [35] menyebut jika seseorang itu mengambil suatu sistem yang berlawanan syariat Islam maka tindakannya itu boleh membawa kepada kesyirikan kerana tindakannya itu sudah bertentangan dengan konsep ketuhanan dalam Islam iaitu menyerahkan semua urusan dunia atau akhirat kepadaNya.

'Audah [2] juga menyebut adalah suatu perkara yang pelik bagaimana seseorang itu boleh menyatakan dia seorang muslim pada akidahnya sedangkan dia tidak beriman bahawa Islam sebagai satu sistem kehidupan yang menyeluruh termasuk dalam hal kenegaraan padahal hakikatnya kesemua ini bersumberkan daripada sumber yang satu iaitulah Allah SWT. FirmanNya lagi yang bermaksud:

Katakanlah (wahai Muhammad): Semuanya itu adalah (berpunca) dari sisi Allah. Maka apakah yang menyebabkan kaum itu hampir-hampir tidak memahami perkataan. (Surah Ali 'Imran ayat 78)

Beriman kepada Allah tetapi menolak prinsip *siyādah* boleh membawa kepada kecacatan serta ketidak sempurnaan dalam aqidah seseorang kerana kedua perkara ini hakikatnya saling berkait serta bersumberkan daripada Allah SWT. Oleh sebab itulah *siyādah* sesebuah negara hanya disandarkan kepada syarak sahaja kerana ianya adalah manifestasi kepada asas keesaan aqidah yang menjadi tunjang dalam keimanan seorang muslim.

b. Hakikat pertembungan rasul terdahulu

Jika kita melihat ayat-ayat al-Quran yang menceritakan tentang kisah-kisah Rasul terdahulu, kita akan dapati hakikat titik pertembungan yang berlaku antara mereka ialah pertembungan tentang konsep kuasa yang tertinggi (الحاكمية). Dalam Surah Luqman ayat 25 Allah SWT sendiri menceritakan bahawa orang musyrikin di zaman Baginda SAW sendiri mengiktiraf akan ketuhanan Allah SWT bahkan tujuan mereka menyembah berhala itu adalah pada pandangan mereka sebagai satu *wasilah* untuk mendekat diri padaNya.

Dan sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi? Sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah". Ucapkanlah (wahai Muhammad): "Alhamdulillah" (sebagai bersyukur disebabkan pengakuan mereka yang demikian tidak mengingkari Allah), bahkan kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat tauhid dan pengertian syirik) (Surah Luqman ayat 25)

Ibn Jauzi [26] juga menceritakan ketika peperangan Badar, peristiwa Abu Jahal yang mengetuai kaum musyrikin telah mengambil kain dari kaabah untuk di bawa berperang lalu berdoa pada Allah SWT agar memenangkan mereka memberi bagaimana mereka ini bergantung kepada Allah sebagai tuhan. Ini bermaksud bahawa titik pertembungan antara Baginda SAW dan kafir Quraish bukanlah soal ketuhanan semata-mata kerana mereka sendiri mempercayai kewujudan Allah seperti mana kaum muslimin. Abu Faris [3] menyebutkan hakikat pertembungan antara mereka ialah tentang soal kekuasaan dan tentang hak menentukan hukum hakam. Kafir Quraish mahukan kekuasaan itu berdasarkan kehendak diri mereka sendiri, sedangkan dalam Syariat Islam kekuasaan itu adalah milik mutlak Allah SWT., apa yang Dia katakan halal barulah halal untuk manusia serta apa yang Dia katakan haram itulah haram untuk manusia. Firman Allah SWT mengambarkan hal ini dalam Surah An-Nisa' ayat 60:

Maksudnya: Tidakkah engkau (hairan) melihat (wahai Muhammad) orang-orang (munafik) yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada Al-Quran yang telah diturunkan kepadamu dan kepada (Kitab-kitab) yang telah diturunkan dahulu daripadamu? Mereka suka hendak berhakim kepada Taghut, padahal mereka telah diperintahkan supaya kufur ingkar kepada Taghut itu dan Syaitan pula sentiasa hendak menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh. (Surat al-Nisa' ayat 60)

Dalam ayat lain Allah SWT menyebut bahawa tujuan diutusnya Rasul pada setiap umat yang dibawa bersama dengan wahyu adalah untuk menghakimi manusia atau disebut sebagai membina sebuah sistem yang tersendiri berpandukan wahyu.

Maksudnya: Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah mereka perselisihan), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan Syurga) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab Neraka); dan Allah menurunkan bersama Nabi-nabi itu Kitab-kitab Suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisikan (Surat al-Baqarah ayat 213)

Al-Marāghi [9] menyebut bahawa ayat ini menunjukkan menjadi suatu kewajipan terhadap pemerintah untuk berhukum berdasarkan wahyu iaitu meletakkan syariat sebagai rujukan paling utama dalam mengurus pemerintahan mereka. Oleh itu menjadi satu kewajipan untuk menegakkan prinsip *siyādah* dalam sesebuah negara kerana ianya antara tujuan utama Rasul diutus dan wahyu diturunkan.

c. *Menolak prinsip ini boleh membawa kekufturan*

Dalam syarak, adakalanya apabila Allah ingin menggambarkan betapa besarnya melakukan sesuatu kewajipan itu adalah dengan digambarkan bagaimana besarnya dosa atau balasan apabila meninggalkan perkara tersebut. Begitulah juga dalam hal prinsip *siyādah* ini, Allah menggambarkan apabila seseorang itu meninggalkan prinsip ini atau berhukum selain dengan sistem Islam maka dia telah jatuh ke lembah kekufturan.

dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang yang kafir. (Surat al-Maidah ayat 44)

'Audah [2] menyebut bahawa sesiapa yang mengambil sumber hukum selain Allah SWT maka telah melakukan satu perbuatan kufur serta tidak ada dalam dirinya sekecil-kecil keimanan walaupun dia bernama muslim atau berketurunan ibu bapa Islam. Qutub [34] menjelaskan bahawa kekufturan dalam ayat tersebut ialah kerana kuasa menghukum atau kuasa menentukan halal atau haram segala perkara adalah antara ciri utama serta hak mutlak ketuhanan Allah SWT. Maka apabila seseorang sama ada berbentuk peribadi, kumpulan atau apa sahaja menyatakan dia mempunyai hak untuk menentukan hukum maka dia secara tidak langsung telah merampas ciri ketuhanan tersebut. Oleh sebab itulah tindakan tersebut Allah gambarkan sebagai tindakan kekufturan. Jadi besarnya dosa meninggalkan prinsip ini sehingga boleh jatuh kufur menunjukkan betapa besarnya kewajipan menegakkan prinsip *siyādah*.

d. *Lambang orang beriman*

Dalam al-Quran, Allah SWT apabila ingin menggambarkan orang yang beriman disebut pelbagai ciri seperti menjaga solat, memelihara maruah dan lain-lain serta antara ciri utama juga ialah seorang mukmin itu ialah mereka yang mengakkan prinsip *siyādah* ini. Firman Allah SWT:

Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. (Surat al-Nisa' ayat 59)

Ibn Kathir [27] menegaskan bahawa arahan di dalam ayat ini menunjukkan kewajipan untuk merujuk al-Quran dan al-Sunnah apabila ada berlaku sebarang perselisihan sama ada perkara *usul* atau *furu'* di dalam agama. Di akhir ayat itu pula menggambarkan bahawa apabila seseorang itu tidak merujuk al-Quran dan al-Sunnah dalam hal perselisihan maka dia bukanlah dikalangan orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat. Terdapat ayat al-Quran lain juga yang menggambarkan hal ini

Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang

telah engkau hukumkan dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya. (Surat al-Nisa' ayat 65)

Salah Sawi [35] menyebut Allah SWT sendiri bersumpah atas diriNya yang Maha Suci bahawa tidak beriman seseorang itu sehingga dia menegakkan prinsip *siyādah* ini dalam dirinya, jadi apabila seseorang itu menyandarkan *siyādah* ini kepada perkara lain selain syarak, ianya secara tidak langsung telah menghilangkan daripada jiwanya ciri utama orang yang beriman.

e. *Hak ketaatan mutlak khusus untuk syarak sahaja*

Dalam al-Quran terdapat lebih 25 tempat Allah SWT membicarakan soal ketaatan serta seruan supaya orang beriman untuk taat kepada Allah dan Rasul. Menurut Salah Sawi [30] di dalam semua seruan ketaatan tersebut, tidak ada satu pun yang mempunyai hak ketaatan mutlak seperti yang diberikan kepada Allah dan Rasul. Tidak kiralah ketaatan itu kepada ibu bapa atau pemerintah, kesemuanya tidak bersifat ketaatan mutlak tetapi ianya bergantung selagi mana arahan tersebut tidak melanggar hukum hakam Allah SWT. FirmanNya di dalam al-Quran:

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu (Surat al-Nisa' ayat 59)

Al-Tabari [18] menyebut bahawa ayat tersebut mengulangi seruan perbuatan "taat" kepada Rasul sepetimana seruan "taat" pada Allah tetapi tidak ada seruan "taat" kepada pemerintah menunjukkan ketaatan kepada mereka yang berkuasa bukanlah bersifat mutlak seperti kepada Allah dan Rasul. Jadi apabila seorang pemimpin itu menyeru untuk lakukan perkara yang bertentangan dengan hukum hakam Allah SWT adalah menjadi kewajipan rakyat untuk tidak mengikuti arahan tersebut kerana ketaatan pada pemimpin bergantung kepada ketaatan pada Allah. Oleh kerana ketaatan mutlak hanya dimiliki oleh syarak, maka sewajarnya *siyādah* itu hanya disandarkan kepada syarak dan bukan perkara lain.

f. *Ijma' (kesepakatan) oleh seluruh umat Islam*

Ijma' adalah salah satu sumber hukum di dalam Syariat Islam. *Ijma'* adalah kesepakatan para ulama serta umat Nabi Muhammad SAW dalam menetapkan suatu hukum dalam agama Islam berasaskan al-Quran dan Hadis tentang suatu perkara yang terjadi pada suatu masa setelah zaman Baginda. Salah Sawi [35] menyebut umat Islam telah *ijma'* tanpa ada seorang menentang pun bahawa Syariat Islam adalah perkara yang wajib dipatuhi tanpa boleh diubah walaupun sedikit, apa yang Islam halalkan ianya adalah halal serta apa yang Islam haramkan selamanya adalah perkara yang haram dan tidak boleh diubah walaupun oleh pemerintah. Hal ini secara tidak langsung bahawa umat Islam telah *ijma'* akan kewajipan menegakkan prinsip ini. Al-Ghazali [5] juga menegaskan perkara yang sama dengan menyatakan hak untuk menentukan hukum (*al-hākim*) adalah milik mutlak Allah SWT, bukan rasul atau sesiapa sahaja dikalangan makhlukNya. Asas kepada *ijma'* ini adalah berdasarkan firman Allah s.w.t:

Sebenarnya hukum (yang menentukan amal ibadat) hanyalah bagi Allah. Dia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia. Yang demikian itulah agama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. (Surah Yusuf ayat 40)

Ibn Taymiyah [28] menyatakan seluruh fuqaha' telah *ijma'* bahawa mana-mana manusia yang menghalalkan perkara yang telah jelas haram dalam syarak atau mengharamkan perkara yang telah jelas halal dalam syarak atau merubah mana-mana perkara yang telah jelas dalam syarak maka dia dikira sebagai seorang kafir. *ijma'* umat Islam dalam hal ini jelas menunjukkan sandaran *siyādah* hanyalah terhadap syarak serta kewajipan untuk menegakkan prinsip ini dalam semua perkara termasuk dalam hal kenegaraan.

3.2.5 Perbahasan prinsip ini oleh ulama terdahulu

Perbahasan menggunakan istilah *siyādah* secara khusus dikalangan ulama terdahulu boleh dikatakan tidak ada kerana istilah *siyādah* ini sendiri mula wujud di Eropah pada kurun ke 16 dan mula masuk ke dalam perbahasan ulama Islam agak lewat iaitu sekitar kurun ke 19. Walaupun golongan ulama terdahulu tidak pernah menyebutkannya, namun kefahaman atau maksud yang selari dengan prinsip ini telah lama dibahaskan oleh mereka iaitu berkenaan konsep bahawa syariat Islam berada sebagai rujukan utama kenegaraan. Al-Māwardi [11] menyatakan:

Al-Imamah (Kepimpinan) ialah mengantikan tugas kenabian di dalam menjaga agama dan mentadbir dunia, dan bagi sesiapa yang dipertanggungjawabkan atas tugas ini merupakan suatu kewajipan (untuk menyempurnakannya).

Melihat bentuk kepimpinan dalam sebuah negara menurut Islam sebagai mengantikan tugas seorang Nabi itu sendiri memberi gambaran bahawa tugas seorang pemimpin bukan mengurus hal duniawi semata-mata tetapi mengangkat serta memelihara agama itu sendiri. Ibn Taymiyah [28] menyatakan:

Perkara asas yang perlu engkau ketahui ialah bahawa sesungguhnya keseluruhan pemerintahan di dalam Islam tujuannya adalah untuk menjadikan agama ini seluruhnya pada Allah, dan menjadikan kalimah Allah yang paling tertinggi; Sesungguhnya Allah SWT hanya menciptakan makhluk untuk itu (iaitu menjadikan agama seluruh pada-Nya dan menjadikan kalimah Allah yang paling tertinggi) dan dengan itu juga diturunkan kitab dan diutuskan para rasul serta di atasnya (urusan itu juga) rasul dan orang beriman berjihad.

Kata-kata ini memang memberi gambaran yang jelas terhadap maksud *siyādat al-shari'ah* seperti yang ulama bahaskan pada hari ini. Al-Juwayni [7] pula menyatakan:

Maksudnya : *Al-Imamah* (Kepimpinan) adalah merupakan kepimpinan yang sempurna dan menyeluruh, yang bersangkut paut dengan perkara yang khusus dan umum di dalam mengurus urusan penting agama dan dunia.

Kesemua nukilan ini menunjukkan bagaimana Islam itu mempunyai kedudukan yang tersendiri dan istimewa dalam sebuah sistem kenegaraan. Aznan Hasan [20] menyimpulkan bahawa fuqaha dari dahulu hingga ke hari ini bersetuju bahawa Islam dan *dawlah* (negara) adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan kerana hakikatnya negara Islam bermatlamat untuk menjaga agama dan mentadbir dunia mengikut landasan syarak. Maksud ini juga selari dengan apa dikhendaki dengan perbahasan prinsip *siyādat al-shari'ah* iaitu Islam berada pada kedudukan paling tinggi dalam sistem kenegaraan. Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa ulama terdahulu telah lama membicarakan soal isi kandungan prinsip *siyādat al-shari'ah* ini walaupun tidak menggunakan istilah ini secara khusus.

3.3 Mengaplikasikan Prinsip *Siyādat Al-Shari'ah* Dalam Sebuah Negara

Menegakkan prinsip *siyādat al-shari'ah* dalam sebuah negara bukanlah sekadar dengan pengistiharan atau mengiklankan bahawa negara tersebut telah menegakkan prinsip ini. Tetapi menegakannya dalam negara meliputi beberapa kayu ukur serta unsur-unsur yang boleh dinilai untuk melihat sejauh mana tahap kedudukan *siyādat al-shari'ah* dalam negara tersebut. Surahman Hidayat [32] telah menggariskan terdapat tiga unsur yang hanya apabila ketiga-tiga ini wujud barulah boleh dikatakan negara tersebut telah menegakkan secara sempurna prinsip ini. Unsur-unsur tersebut ialah:

3.3.1 Kedudukan syariah diiktiraf dalam sistem perundangan negara

Al-Shāwi [17] dalam kajiannya berkenaan kedudukan *siyādat al-shari'ah* dalam perundangan Mesir menyebut tiada siapa dapat nafikan bahawa wujudnya pengiktirafan syariah dalam sistem perundangan negara adalah perkara yang paling asasi dalam menegakkan prinsip ini. Ini kerana untuk menegakkan syariah dalam negara memerlukan suatu perkara yang menjadi penjamin agar matlamat tersebut dapat dicapai. Hanya apabila wujudnya jaminan ini, ianya dapat memberi gambaran pada masyarakat dan pemerintah apakah identiti negara tersebut yang perlu didokong oleh mereka. Dengan wujudnya pengiktirafan ini juga ia dapat menjadi asas yang menghalang daripada terhasilnya sebarang bentuk polisi atau tindakan pemerintah yang bertentangan dengan Islam itu sendiri. Unsur ini berdasarkan firman Allah SWT:

dan Kalimah Allah (Islam) ialah yang tertinggi (selama-lamanya), kerana Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Surat al-Taubah ayat 40)

Surahman Hidayat [37] menyebut berdasarkan ayat ini Allah SWT memerintahkan untuk kita menjadikan syariat Islam sebagai sumber rujukan utama atau paling tinggi dalam mana-mana sistem perundangan negara. Menurutnya lagi, bentuk penyataan syariah tersebut dalam sistem perundangan tiada yang spesifik, ianya terserah asalkan mencapai maksud tersebut. Antara contohnya ialah dengan penyataan:

Rujukan utama bagi perlembagaan negara ini adalah Syariat Islam, maka sebarang perkara yang bertentangan dengan Syariat Islam adalah tertolak dan tidak terpakai.

Penyataan seperti ini bukan sahaja menjadikan Quran dan Sunnah sebagai rujukan negara, bahkan segala perkara berkaitan Syariah iaitu *maqasid*, maslahat, *al-daruriyah al-khamsah* dan lain-lain turut menjadi sandaran dengan adanya penyataan ini. Ianya juga menjadikan undang-undang lain seperti undang-undang jenayah, ekonomi, sosial dan lain-lain mestilah berdasarkan kepada syarak. Maka sebuah negara yang ingin menegakkan prinsip *siyādat al-shari'ah* tidak boleh tidak mestilah mempunyai peruntukan khusus dalam sistem perundangan negara yang mengangkat kedudukan Syariat Islam sebagai rujukan utama negara.

3.3.2 Pemerintah yang mentadbir berdasarkan syarak

Wujudnya peruntukan yang mengiktiraf syariat Islam dalam perundangan sahaja tidak mencukupi untuk menegakkan prinsip ini. Ianya juga menuntut kepada pemerintah yang komited

dalam melaksanakan segala urusan pentadbiran serta polisi negara berdasarkan prinsip ini. Al-Māwardi [11] apabila berbicara tentang peranan pemerintah menyimpulkannya sebagai:

حراسة الدين وسياسة الدنيا به

Maksudnya: Memelihara agama serta mentadbir dunia berdasarnya (agama)

Hal ini memberi gambaran bahawa setiap polisi atau tindakan yang ingin dibuat oleh pemerintah dalam hal dunia ini adalah terikat dengan ikatan syarak. Allah SWT juga apabila menggambarkan tentang pemimpin sebuah negara yang menegakkan syariat Islam menyebut:

Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahanan dan perkara yang mungkar dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan (Surat al-Haj ayat 41)

al-Tabari [18] menyebutkan bahawa yang dimaksudkan dengan *amar ma'ruf* di sini ialah menyeru manusia untuk mentauhidkan Allah SWT serta sentiasa taat akan segala perintahNya, ada pun yang dimaksudkan *nahi mungkar* disini ialah menahan daripada mensyirikkan Allah serta melakukan maksiat-maksiat yang telah diharamkan olehNya. Al-Qurtubi meriwayatkan bahawa Sahl bin Amru ra apabila membaca ayat ini menegaskan bahawa melakukan *amar makruf nahi mungkar* adalah satu kewajipan ke atas pemerintah serta ulama yang berada disekelilingnya. Oleh itu, apabila terlaksananya tanggungjawab pemerintah *amar ma'ruf wa nahi munkar* ini, maka akan tertegaklah prinsip *siyadat al-shari'ah*.

Secara hakikatnya menurut Islam, seorang pemimpin itu memperoleh kekekuasaan pemerintahan itu melalui dua sumber iaitu Allah dan RasulNya serta *bai'ah* daripada rakyat. Seseorang pemimpin itu mempunyai hak ke atas kekuasaan itu selagi mana dia berjalan di dalam lingkungan tuntutan syarak serta didokong oleh rakyat. Apabila hilang salah satu daripada dua sumber tersebut, akan hilanglah hak kekuasaan terhadap pemimpin untuk terus memimpin (Nurhayati [33]).

Atas sebab itulah, al-Maududi [10] menyebut tidak boleh tidak untuk menegakkan Islam atau *siyadat al-shari'ah* dalam sebuah negara memerlukan adanya suatu kehendak yang sangat kuat daripada pemerintah untuk memastikan perkara tersebut tertegak. Jadi mempunyai pemerintah yang komited untuk melaksanakan syariat Islam, yang menghalalkan apa yang halal serta mengharamkan apa yang haram, membawa masyarakat menuju maqasid serta maslahat berdasarkan syarak adalah unsur yang penting bagi memastikan prinsip *siyadat al-shari'ah* ini tercapai.

3.3.3 Masyarakat yang mendokong kedaulatan Islam

Antara perkara yang tidak kurang penting juga dalam memastikan prinsip ini tercapai ialah unsur dokongan daripada masyarakat atau rakyat negara tersebut. Surahman Hidayat [37] menyebut bahawa rakyat hendaklah mempunyai kefahaman serta gambaran bahawa kedudukan Syariat Islam dalam negara sebagai rujukan dan sandaran dalam semua perkara. Prinsip *siyadat al-shari'ah* ini hendaklah diiktiraf oleh semua pihak tidak kira muslim atau bukan muslim. Ianya berdasarkan Firman Allah SWT:

Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah dan (sehingga) menjadilah agama itu seluruhnya (bebas) bagi Allah semata-mata. Kemudian jika mereka berhenti (dari

kekufurannya dan gangguannya, nescaya mereka diberikan balasan yang baik) kerana sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang mereka kerjakan. (Surat al-Anfal ayat 39)

Qutb [34] apabila membicarakan berkenaan ayat ini menyebut bahawa istilah agama (الدين) di dalam ayat di atas bukanlah bermaksud agama yang dianuti tetapi ianya membawa maksud sistem Islam yang didaulatkan sesebuah negara. Oleh itu ayat ini apabila diselaraskan dengan ayat 256 Surat al-Baqarah yang menyentuh soal tiada paksaan di dalam hal beragama untuk bukan muslim ianya membawa maksud orang bukan Islam mempunyai pilihan untuk beragama Islam atau pun tidak namun mereka tidak mempunyai pilihan di dalam mengiktiraf kedaulatan Islam. Dalam *siyāsah shar'iyyah*, al- Ghadban [24] menyebut bahawa orang bukan Islam dalam sebuah negara Islam boleh dibuang kerakyatan apabila tidak mengiktiraf kedaulatan Islam yang menjadi tunjang negara tersebut. Ini berdasarkan kisah Rasulullah SAW menghalau keluar Yahudi daripada kota Madinah oleh kerana mereka tidak lagi mengiktiraf kedaultan Islam dengan cara mengkhianati perjanjian dengan Nabi SAW iaitu membantu musuh menyerang kota Madinah dalam peperangan Ahzab.

Borham [22] menyebutkan bahawa tanggungjawab mempertahankan serta tertegaknya matlamat di dalam sebuah negara Islam berdasarkan *siyāsah shar'iyyah* bukanlah terletak di atas tugas pemerintah semata-mata. Rakyat juga perlu mendokong, memantau serta sentiasa memastikan pemerintah yang sedia ada menegakkan asas-asas di dalam *siyāsah shar'iyyah* serta tidak melanggar sebarang dasar lain di dalam syarak. Oleh itu memiliki sebuah masyarakat tidak kira muslim dan bukan muslim yang faham serta mengiktiraf prinsip *siyadat al-shari'ah* ini adalah amat penting bagi memastikan prinsip tercapai dengan sempurna dalam sesebuah negara.

4. Kesimpulan

Rumusannya, hasil kajian mendapati bahawa prinsip *siyadat al-shari'ah* adalah antara perkara asasi yang penting di dalam *siyāsah shar'iyyah*. Ia merupakan antara perkara asas bersifat *thawabit* yang tidak akan berubah walaupun berbeza masa, tempat atau suasana. Prinsip ini juga menjadi titik perbezaan utama antara konsep politik bersandarkan syarak dengan konsep politik-politik lainnya. Prinsip ini meletakkan bahawa Islam itu dijadikan sandaran paling utama dalam semua urusan termasuklah dalam hal kenegaraan.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab serta kewajipan seluruh umat Islam khususnya pemerintah Islam di serata dunia hari ini berusaha untuk memastikan prinsip ini tertegak dalam negara yang mereka berada padanya. Menegakkan prinsip ini dalam sesebuah negara pula hendaklah dilihat pada tiga dimensi iaitulah pengukuhan di dalam sistem perundangan negara, pemerintah yang komited melaksanakan prinsip ini serta seluruh yang memahami serta mendokong prinsip ini. Maka *wasilah* untuk menegakkan prinsip ini adalah pelbagai antaranya pendidikan, pemerkaasan undang-undang, penubuhan badan serta institusi Islam, penerangan dan pelbagai cara lagi yang boleh menyumbang ke arah pengukuhan prinsip *siyadat al-shari'ah* ini.

Rujukan

- [1] al-Quran
- [2] 'Audah, Abd al-Qadir. 1984. *Al-Mal wa al-Hukm fi al-Islam*. Al-Dar al-Sa'udiyah li al-Nasr wa al-Tauzi'.
- [3] Abu Faris. Muhammad Abd al-Qadir. 2011. *al-Nizam al-Siyasi fi al-Islam*. Dar al-Furqan li al-Nashru wa al-Tauzi.'
- [4] al-'Utaibi, Sa'ad bin Matar. 2011. *Siyadah al-Shari'ah: Min al-Ma'lum min Din al-Islam bi al-Darurah*. <http://www.saaid.net/Doat/otibi/93.htm>
- [5] Al-Ghazali, A. and al-Tusi, M., 1937. *al-Mustasfa*. Cairo: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- [6] al-Jauziyah, Muhammad bin Abu Bakar bin Ayub Ibnu Qayyam. 2007. *Al-Turuq al-Hukmiyah fi al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Jeddah: Majma' Fiqh al-Islami

- [7] al-Juwayni, A.A.M., 1981. *al-Ghiyathi*, edited by Abd al-Azim al-Deib. Cairo: Matbaah Nahdah Misr.
- [8] al-Manzur, Y.A.D.M.I. 1975. *Lisan al-'arab*. Al-Dar al-Misriyyah Li al-ta'lif wa al-tarhim.
- [9] al-Maraghi, Ahmad Mustafa. 1946. *Tafsir al-Maraghi*. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Hilbi.
- [10] al-Maududi, Abu A'la. 1976. *Nazariyat al-Islam al-Siyasiyah*. Damsyiq: Dar al-Fir
- [11] al-Mawardi, A.A.H.A., 1996. *Al-Ahkam al-Sultaniyah wa al-Wilayat al-Diniyah*. Dar al-Qalam.
- [12] al-Nadi, Fu'ad Muhammad. 1980. *Nazariyat al-Daulah fi al-Fiqh al-Siyasi al-Islami*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Jami'i.
- [13] al-Nasir, 'Abdullah bin Ibrahim. 2012. *Muhadarat fi al-Siyasah al-Shari'iyah*. Saudi: Kulliyat al-Tarbiyah, Jami'ah al-Malik Sa'ud
- [14] al-Qardawi, Yusuf 1998. *al-Siyāsah al-Syar'iyyah fi Dhau'al-Nushūs al-Syari'ah wa Maqāshidihā*. Kaherah: Maktabat al-Wahbah.
- [15] al-Qurtubi, A.A.M.A., 2003. *al-Jāmi'li Aḥkām al-Qurān*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [16] al-Razi, Fajr al-Din. 1980. *al-Tafsir al-Kabir*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- [17] al-Shawi, Taufiq. 1987. *al-Siyadah al-Shari'ah fi al-Misr*. Kaherah: al-Zahrah li al-l'lam al-'Arabi.
- [18] al-Tabari, Abu Ja'far. 2001. *Tafsir al-Tabari*. Dar Hijra li al-Taba'ah.
- [19] Audah, Abd al-Qadir. 1977. *Al-Islam wa Auda'na al-Qanuniyah*. Al-Mukhtar al-Islami li al-Taba'ah wa al-Nashru wa al-Tauzi'.
- [20] Aznan Hasan. 2014. *Kefardhuan Mengundi Calon Muslim Berwibawa Di Dalam Pilihan Raya*. Kertas kerja yang dibentangkan di Muzakarah kefardhuan mengundi calon Muslim berwibawa pada 27 Mei 2013.
- [21] Bodin, J., 1955. Six Books of the Commonwealth [1576]. Abridged and translated with an introduction by MJ Tooley.
- [22] Borham, A.J., Konsep Siyasah Syar'iyah Dan Pelaksanaannya Dalam Konteks Malaysia.
- [23] Encyclopaedia Britannica, inc, 1969. Encyclopædia britannica. Encyclopaedia Britannica, Incorporated.
- [24] Ghadban, M.M. 1994. *Manhaj Haraki dalam Sirah Nabawi*. Pustaka Mantiq, Solo.
- [25] Husain, Wan Ahmad Fauzi Wan, Anisah Che Ngah, and Mohamed Anwar Omar Din. "Islam Agama Bagi Persekutuan: Satu Kajian Sejarah Perundungan (Islam as The Religion of The Federation: A Study of Legal History)." *Akademika* 87, no. 3 (2017).
- [26] Ibn Jauzi, Abd al-Rahman bin Ali bin Muhammad. 2002. *Zad al-Masir fi 'Ilm al-Tafsir*. Al-Maktab al-Islami.
- [27] Ibn Kathir, Isma'il. 2000. *Tafsir Ibn Kathir*. Riyad: Dar al-Salam.
- [28] Ibn Taymiyah, I., 1961. *Majmu' Fatawa Shaykh al-Islam Ahmad Ibn Taymiyah*. Riyad: Matabe'al-Riyad.
- [29] Keempat, Kamus Dewan Edisi., 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [30] Mufti, Muhammad Ahmad. 1991. *Al-Siyadah wa Tsabat al-Ahkam fi al-Nazariyah al-Siyasah al-Islamiyah*. Saudi: Jami'ah Umm al-Qura.
- [31] Muhamat Kawangit, Razaleigh. (2014). KEDUDUKAN POLITIK DALAM ISLAM.
- [32] Nurdin, Nurdin. "KONSEP KEADILAN DAN KEDAULATAN DALAM PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT." *Media Syari'ah* 13, no. 1 (2017): 121-130.
- [33] Nurhayati, A., 2016. Konsep Kekuasaan Kepala Negara Dalam Ketatanegaraan Islam. *ASAS*, 8(2).
- [34] Qutub, Sayyid. 1994/1414H. *fi Zilal al-Qur'an*. Cet. 22. Beirut: Dar al-Shuruk.
- [35] Sawi, Salah. 1991. *Nazariyah al-Siyadah wa Atharuha 'ala shar'iyyat al-anzimah al-wad'iyyah*. Dar Taiyibah li al-Nashru wa al-Tauzi'.
- [36] Shalbi, Ahmad. 1974. *Mausu'at al-Nizam wa al-Hadarah al-Islamiyyah*. Maktabat al-Nahdah al-Misriyah.
- [37] Surrahman Hidayat. 2001. *Al-Ta'ayush al-Silmi baina Muslimin wa Ghairahum dakhil daulah wahidah*. Kaherah: Dar al-Salam